



UNTUK SIARAN SEGERA



EXTRA SPACE – Mencari Ruang untuk Hobi & Gaya Hidup

Membersihkan Kediaman dan Tempat Perniagaan Anda daripada Berselerakan

Kemudahan Penyimpanan Layan Diri yang Pertama Sekali di Malaysia

Kuala Lumpur, 4 April 2012 – Temuilah Terence Tay, seorang rambut stylist dan pengarah salon rambut dan facial yang mempunyai cawangan-cawangan di kawasan Klang Valley. Temuilah juga, Mobius Ng, seorang perunding bebas yang sangat gemar mengumpul komik Marvel dan DC juga novel bergambar seperti *Calvin & Hobbes* dan *Peanuts*.

Sebagai usahawan dan pengemar komik, sentiasa ada *hanya satu lagi sahaja untuk ditambah* dalam koleksi yang kian bertambah. Di sinilah Extra Space dapat memberi sumbangannya.

Extra Space Self Storage merupakan kemudahan penyimpanan layan diri perintis, yang telah pun membuka perkhidmatannya yang pertama di Malaysia. Kemudahan penyimpanan ini ialah *satu-satunya kemudahan yang pertama sekali wujud di Malaysia, dan terletak di Jalan Chan Sow Lin, di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur.*

Ditubuhkan pada Mei 2007, Extra Space membuka kemudahannya yang pertama di Singapura dengan tapak seluas 25,000 kaki persegi (bersamaan $\frac{1}{2}$ padang bola sepak). Kini, syarikat ini telah berkembang kepada 750,000 kaki persegi (bersamaan 15 padang bola sepak). Syarikat ini mempunyai tujuh buah kemudahan, merentasi tiga buah negara, iaitu Korea, Singapura, dan kini, Malaysia.

“Kami memilih Malaysia sebagai negara di mana kami ingin mengembangkan perniagaan kami, kerana demografinya serupa dengan Singapura di mana kami mempunyai sejumlah lima buah cawangan kemudahan.”

“Ini adalah untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah di mana orang-orang yang mahu menyusun ruang-ruang di kediaman-kediaman mereka supaya tidak bersepeh, untuk menambah lebih banyak ruang untuk kegunaan hobi dan gaya hidup.”



Ada juga individu-individu yang menjalani fasa-fasa hidup yang berlainan, sama ada kelahiran bayi, kahwin semula, berpindah, bercerai, di mana barang-barang seperti perabot, katil bayi, malah motosikal dan kereta pun perlu disimpan sementara sehingga barang-barang itu diperlukan semula pada masa nanti.

“Di sinilah Extra Space dapat memenuhi keperluan ini, dengan memastikan barang-barang anda disimpan dalam keadaan yang selamat dan terjamin.”

“Pelanggan boleh akses kepada barang-barang mereka pada bila-bila masa dan hari kerana kemudahan penyimpanan kami dibuka 24 jam, 7 hari seminggu,” kata En. Michael Hagbeck, Ketua Pegawai Eksekutif, Extra Space Self Storage semasa suatu lawatan media di kemudahan Extra Space Chan Sow Lin, Kuala Lumpur yang baru dibuka.

Extra Space Self Storage menyediakan unit-unit simpan sendiri untuk tempoh dari 2 minggu sehingga 20 tahun, dan saiz dari 18 kaki persegi (saiz peti sejuk biasa) sehingga 450 kaki persegi (saiz garaj). Pelanggan-pelanggan dapat menyewa bilik penyimpanan sendiri yang serba lengkap, bersih, kering dan berprivasi, dan menguncinya dengan mangga mereka sendiri.

Kesemua kemudahan Extra Space mempunyai sistem keselamatan 24-jam yang canggih, termasuk sistem kod akses peribadi yang membolehkan pelanggan memasuki ruang simpanan sewaan mereka untuk mendapatkan barang-barang mereka pada masa senang mereka, tujuh hari seminggu, 365 hari setahun. Ruang-ruang penyimpanan berhawa dingin juga akan disediakan, dan ruang-ruang ini dikekalkan pada suhu antara 23 dan 25 °C. Harga ditawarkan adalah mengikut saiz unit dan sama ada unit itu berhawa dingin atau tidak.

“Meskipun barang-barang yang disimpan oleh 80% daripada pelanggan kami di Extra Space adalah untuk kegunaan peribadi, 20% daripada asas pelanggan kami menyimpan barang-barang untuk perniagaan,” kata En. Hagbeck.

Para peniaga boleh berharap untuk menikmati faedah-faedah berikut:

- Membayar sewa bagi ruangan yang digunakan sahaja dengan deposit yang berharga sama dengan sewa sebulan
- Syarat-syarat penyimpanan yang fleksibel
- Akses tanpa had 24 jam



M U S T A R D T R E E
C O M M U N I C A T I O N S



- Caj untuk utiliti dimasukkan dalam sewa
- Parking percuma
- Troli disediakan untuk mengangkut barang-barang
- Keselamatan elektronik merupakan ciri standard
- Barang-barang boleh diterima, oleh kakitangan syarikat jika pelanggan tidak hadir
- Sewa boleh dibayar melalui kad kredit

Bermula dengan hanya 50 pelanggan pada 2007, Extra Space Self Storage telah berkembang kepada 5,300 pelanggan pada Mac 2012 lalu, yang merupakan suatu rekod, dan dijangka bertumbuh pesat apabila konsep penyimpanan sendiri menjadi lebih mantap dan diterima luas di Asia.

“Untuk mempercepatkan pemulaan operasi kami di Malaysia, kami telah melancarkan promosi RM1.00, iaitu para pelanggan hanya perlu membayar RM1.00 untuk menyewa ruang mereka untuk bulan pertama, dan kemudian mendapat diskaun permulaan hebat sebanyak 30% bagi sewa bulanan berikutnya.

“Bakal pelanggan hanya perlu mengisi borang elektronik yang boleh dimuat turun melalui tapak web kami, dan kami akan segera membalas dengan memberi sebut harga yang berkaitan,” tambah En. Hagbeck.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Extra Space Malaysia, sila layari: www.extraspace.com.my.

Mengenai Extra Space Self Storage

Extra Space Self Storage ialah peneraju dalam perniagaan jenis stor layan diri, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penyimpanan layan diri yang memenuhi kehendak individu, keluarga dan perniagaan di Asia yang kekurangan ruang penyimpanan.

Extra Space menyediakan bilik-bilik penyimpanan layan diri untuk tempoh yang paling singkat selama dua minggu sehingga apa saja tempoh yang dikehendaki oleh pelanggan. Kami menawarkan barisan unit penyimpanan yang luas, dengan itu memberi mereka fleksibiliti untuk menyewa ruang mengikut saiz yang mereka perlukan.

Syarikat Extra Space ialah sebuah usaha sama antara pelabur-pelabur yang diketuai oleh Lazard Limited, yang tersenarai di NYSE, dan En. Michael Hagbeck. Syarikat yang pesat bertumbuh ini diterajui oleh En. Michael Hagbeck, Ketua Pegawai Eksekutif, dan En. Kenny Tham, Ketua Pegawai Kewangan. Syarikat Extra Space ialah ahli *Self Storage Association of Australasia (SSAA)* dan *Singapore Business Federation*.

Diedarkan untuk dan bagi pihak *Extra Space Malaysia* oleh Mustard Tree Communications.

Untuk pertanyaan media sila hubungi: Jade W. 012 219 5289, jade@mustardtree.com.my,

Sally Yeow 012 219 5767, sallyyeow@gmail.com atau

Su-Yin 012 219 1997 / 012 620 8121, suyinatwork@gmail.com.